

MENULIS DARI HATI DAN BIAR SAMPAI KE HATI

NORFAZLIKA BINTI ABD KARIM

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UiTM KAMPUS KUALA PILAH

10 Mac 2022 merupakan tarikh keramat yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh kesemua penulis Anugerah Kualiti Rektor Antara Bahagian (AKRAB), Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Kuala Pilah. Ini kerana, pada tarikh tersebut telah berlangsungnya Majlis Kemuncak Inovasi 2021 dan APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah telah dinobatkan Juara Keseluruhan AKRAB 2021 setelah berjaya memenangi sekurang-kurangnya 6 anugerah yang telah dipertandingkan iaitu:

1. Anugerah Pemenang Tempat Pertama Fakulti/Jabatan
2. Anugerah Pemenang Bidang Tujahan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan
3. Anugerah Pemenang Kriteria Kepimpinan Fakulti/Jabatan
4. Anugerah Pemenang Kriteria Perancangan Strategik Fakulti/Jabatan
5. Anugerah Pemenang Kriteria Tumpuan Pelanggan Fakulti/Jabatan
6. Anugerah Pemenang Kriteria Hasil Fakulti/Jabatan

Apa yang lebih mengharukan adalah kejayaan ini merupakan bukti kebangkitan semula kesemua penulis AKRAB APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah setelah melalui episod kegagalan memenangi sebarang anugerah di majlis yang sama pada tahun lalu. Namun, kejayaan ini tidak seharusnya diraikan oleh para penulis AKRAB APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah sahaja. Di sebalik pencapaian yang amat memberangsangkan ini, terdapat tenaga kerja APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah yang menjadi tulang belakang dan pelaksana bagi setiap projek/aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2021. Setiap projek/aktiviti yang telah direncanakan tidak mampu untuk bergerak sendiri tanpa sokongan padu daripada seluruh tenaga kerja APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah. Keberhasilan bidang tumpuan utama yang telah ditetapkan bagi tahun 2021 adalah sukar untuk dicapai jika hanya dijalankan oleh beberapa orang individu sahaja. Justeru, kejayaan APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah dalam mencapai keberhasilan bidang tumpuan utamanya adalah hasil daripada kesejajaran usaha serta pemantauan yang berterusan, yang kemudiannya telah didokumentasikan di dalam laporan AKRAB 2021.

Sejujurnya, penulisan laporan berbentuk teknikal seperti laporan AKRAB bukanlah suatu perkara yang mudah. Hal ini adalah kerana pelaporan tersebut meliputi gerak kerja yang telah dilaksanakan sepanjang tahun dengan berpandukan kepada format penulisan laporan serta ekspresi data atau fakta. Tambahan pula, penyediaan laporan AKRAB adalah bagi tujuan pertandingan, maka pelaporan perlu merujuk kepada rubrik pemarkahan yang telah ditetapkan. Namun, cabaran utama bagi penyediaan laporan AKRAB adalah untuk menerangkan setiap aspek yang dinilai dengan jelas serta mudah difahami berpandukan persoalan yang diajukan dalam format penulisan laporan mengikut kriteria berdasarkan bidang tujahan yang telah dipilih.

Pengalaman peribadi saya sebagai penulis laporan Anugerah Khas Naib Canselor (AKNC) bermula dari tahun 2012 sehingga kini telah banyak membantu saya dalam memahami setiap aspek yang dinilai dalam penyediaan laporan teknikal kampus dan sekaligus melayakkan saya untuk mengetuai barisan penulis AKRAB APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah. Rome was not built in a day. Pepatah ini jelas membuktikan bahawa melalui latihan yang berterusan dan pengalaman yang berharga, sesuatu keberhasilan itu akan pasti dapat dicapai. Meskipun penglibatan saya sebagai penulis bagi laporan teknikal kampus pada awalnya bermula secara 'paksa rela', kini, saya boleh mengatakan bahawa menulis laporan teknikal adalah di antara kemahiran yang saya miliki.

Terdapat tiga (3) elemen utama yang perlu ada dalam proses penyediaan laporan teknikal seperti AKRAB. Pertama, kerjasama berpasukan di antara seluruh tenaga kerja di fakulti/jabatan secara amnya dan penulis laporan AKRAB, khususnya. Penulis laporan tidak akan mempunyai kandungan untuk dilaporkan di dalam laporan AKRAB sekiranya tiada sebarang projek/aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun semasa dalam mencapai keberhasilan bidang tumpuan utama yang telah ditetapkan. Manakala, tenaga kerja fakulti/jabatan tidak akan dapat menilai keberkesanan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirangka dan gerak kerja yang telah dilaksanakan tanpa merujuk kepada projek/aktiviti yang telah didokumentasikan dalam bentuk laporan teknikal. Oleh itu, tenaga kerja fakulti/jabatan dan penulis laporan perlu bekerjasama sebagai satu pasukan dalam menentukan bidang tumpuan utama pada awal tahun semasa, yang secara tidak langsung akan menjadi bidang tujuan pilihan bagi laporan AKRAB.

Kedua, sikap berdaya saing di kalangan seluruh tenaga kerja fakulti/jabatan amnya dan penulis laporan AKRAB khususnya. Penyediaan laporan teknikal seperti AKRAB memerlukan pembakar semangat untuk terus menulis. Pencapaian anugerah adalah bonus dan satu bentuk pengiktirafan terhadap kualiti kerja yang ditunjukkan oleh seluruh tenaga kerja fakulti/jabatan amnya dan penulis laporan AKRAB khususnya. Namun, pencapaian anugerah semata-mata tidak cukup untuk memastikan kualiti kerja yang berterusan serta laporan yang disediakan adalah tepat, mudah difahami dan menggambarkan keseluruhan projek/aktiviti yang telah dilaksanakan bagi tahun semasa. Oleh itu, sikap berdaya saing perlu dipupuk di kalangan tenaga kerja fakulti/jabatan dan penulis laporan AKRAB sebagai pembakar semangat untuk memastikan pelaksanaan projek/aktiviti yang berprestasi tinggi dalam mencapai keberhasilan bidang tumpuan utama serta penyediaan laporan yang terbaik berbanding dengan fakulti/jabatan yang lain.

Persaingan yang sihat bukan sahaja dapat memotivasikan diri tetapi dapat memastikan penghasilan kerja yang berkualiti kerana di situlah kerja akan dinilai sebagai ibadah di sisi Allah SWT.

Terakhirnya, ikhlas dalam pekerjaan. Umum mengetahui bahawa menulis laporan teknikal seperti laporan AKRAB bukanlah sesuatu yang diidamkan. Terdapat sebilangan penulis yang terpaksa menyediakan laporan hanya kerana tiada wakil penulis bagi fakulti/jabatan, ingin memenuhi laporan penilaian prestasi tahunan dan lain-lain sebab. Apabila sesuatu pekerjaan tidak dimulakan dengan niat yang betul dan ikhlas, maka hasilnya tidak akan menjadi seperti yang diharapkan. Ini kerana orang yang ikhlas adalah orang yang bijaksana.

Mereka bijak menggunakan masa secara produktif dan berkesan, tidak melengah-lengahkan dalam melaksanakan tugas yang diberikan dan tidak akan melakukannya dengan sikap sambil lewa. Mereka juga tidak berkira dalam menjalankan tugas dan tidak mengharapkan sebarang pujian atau ganjaran semata-mata. Tuntasnya, menulis perlulah dari hati yang ikhlas dan biar sampai ke hati. Dengan ini, semangat penulisan laporan dapat dibina secara berterusan.



Penulis (baris belakang no 4 dari kanan) bersama dengan seluruh tenaga kerja APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah

Secara keseluruhannya, penyediaan laporan teknikal seperti AKRAB memerlukan gabungan 3 elemen utama yang telah dinyatakan. Tanpa kerjasama berpasukan, sikap berdaya saing dan ikhlas dalam pekerjaan, keberhasilan bidang tumpuan utama yang telah ditetapkan bagi tahun semasa adalah sukar untuk dicapai manakala laporan yang tepat dan mudah difahami tidak akan dapat disediakan. Sebagaimana seorang penyelidik itu berasa seronok menjalankan penyelidikan, seorang saintis itu berasa seronok menjalankan uji kaji, seorang penulis juga perlu mewujudkan keseronokan menulis dalam dirinya walau apapun yang ditulis. Jangan dicemari semangat penulisan dengan kritikan, paksaan, pujian dan cemuhan kerana semua elemen negatif tersebut akan mengganggu proses penulisan, penghayatan dan mengurung ilham. Berseronok-seronoklah dalam menulis walau hanya menulis laporan teknikal seperti laporan AKRAB kerana keseronokan itu akan sampai juga kepada pembaca umumnya dan panel penilai khususnya. Menulislah dengan rasa, jangan memaksa, nanti binasa...



Penulis (baris depan sebelah kanan) bersama dengan para penulis AKRAB APB UiTMCNS Kampus Kuala Pilah dan anugerah yang telah dimenangi